

PM: Kekalkan sistem demokrasi berparlimen

UM - 4 SEP 2001

Oleh ASUKI ABAS

KUALA LUMPUR 3 Sept. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sistem demokrasi berparlimen sekarang harus dikekalkan bagi mengelakkan undang-undang yang digubal membayangkan kehendak golongan tertentu sahaja.

Perdana Menteri berkata, ada negara berparlimen lain yang mempunyai Parlimen bagi menggubal undang-undang tetapi tidak mempunyai kuasa kerana sebarang keputusan perlu dirujuk kepada satu kumpulan terpilih sebelum undang-undang itu boleh diluluskan.

“Di Malaysia juga kita tahu berlaku seperti itu kerana ada Dewan Undangan Negeri yang tidak berkuasa penuh sebab sebarang keputusan perlu dirujuk kepada satu kumpulan yang dilantik mereka sendiri.

“Kita harus berjaga-jaga supaya di negara ini keadaan seperti itu tidak berterusan ke peringkat Pusat pula,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian dalam ucapannya di Majlis Malam Mesra Kelab Senator Malaysia di Hotel Nikko di sini malam ini.

Dr. Mahathir berkata, terdapat sesetengah golongan yang mungkin sudah bosan dengan sistem demokrasi berparlimen di negara ini dan mempunyai keinginan untuk menukarnya kepada satu sistem yang lain.

“Mereka mungkin berpendapat sistem demokrasi kita ini tidak baik dan beranggapan orang

tertentu dengan kemahiran tertentu sahaja yang boleh mentadbir negara,” katanya.

Perkara itu harus dibendung bagi mengelakkan berlaku penyelewengan atau pertindihan kuasa yang boleh merosakkan undang-undang di Malaysia.

Menurut Perdana Menteri, senator Malaysia se-

laku tapisan terakhir penggubalan undang-undang telah memberi sumbangan kepada pembangunan dengan tidak menimbulkan sebarang masalah untuk meluluskan undang-undang yang diguna pakai bagi membentuk dasar negara.

“Sistem itu, iaitu Dewan Negara yang terdiri daripada ahli senator

menjadi penapis bagi undang-undang yang digubal oleh Dewan Rakyat ada kebajikannya. Tetapi di negara membangun seperti Malaysia, kita tidak dapat bermain-main dengan undang-undang kerana kita perlu kelulusan segera supaya kita dapat melaksanakan dasar-dasar yang bertujuan membangunkan negara dengan cepat lagi,” kata Perdana Menteri.

Menurut Dr. Mahathir, senator juga harus memberi perhatian kepada masalah-masalah rakyat tanpa mengira kawasan dan sedia menjadi sukarelawan untuk membantu kerajaan pada bila-bila masa.

“Ahli Dewan Negara tidak mempunyai *constituency*. Jadi anggaplah seluruh Malaysia ini sebagai *constituency* mereka sendiri yang besar dengan memberi tumpuan kepada masalah dalam negara.

“Contohnya, baru-baru ini timbul masalah pendidikan di kalangan orang Melayu, jadi kerajaan perlu lebih banyak sukarelawan untuk memberi penjelasan kepada guru dan murid tentang tanggungjawab mereka terhadap diri, keluarga dan negara,” tegasnya.